



**IKLAN JAWATAN KOSONG  
MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR  
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

(a) Permohonan adalah dipelawa daripada kakitangan **Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS)** / warganegara Malaysia yang berkelayakan dan **berumur tidak kurang dari 18 tahun sehingga 54 tahun** pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut di Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS). **Keutamaan akan diberi kepada anak kelahiran Negeri Selangor.**

(b) Tarikh permohonan pada **04.07.2023 (Selasa) hingga 17.07.2023 (Isnin)**

Bil	Jawatan	Gred	Kekosongan	Taraf
1	Pegawai Tadbir	N41	2	Tetap/Kontrak
2	Penolong Pegawai Tadbir	N29	2	Tetap/Kontrak
3	Penolong Pegawai Penguat Kuasa	KP29	2	Tetap/Kontrak
4	Pembantu Penguat Kuasa	KP19	4	Tetap/Kontrak
5	Pembantu Tadbir (P/O)	N19	1	Kontrak
6	Pembantu Setiausaha Pejabat	N19	1	Tetap/Kontrak
7	Pembantu Awam	H11	6	Tetap/Kontrak
8	Pemandu Kenderaan	H11	1	Tetap

**PERHATIAN KEPADA PEMOHON:-**

1. Umur : Calon-calon lantikan terus mestilah berumur tidak kurang dari **18 tahun sehingga 54 tahun** pada tarikh iklan ditutup
2. Syarat Kelayakan : Sila rujuk portal rasmi MPKS di alamat berikut:  
**www.mpks.gov.my**
3. Cara Memohon : Semua permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang **on-line** dengan melayari portal rasmi seperti di atas **www.mpks.gov.my**
  - a) Semua permohonan hendaklah disertakan dan memuat naik (**upload**) atas talian :
    - i. **Resume;**
    - ii. **Salinan akademik (UPSR/PMR/PT3/SPM/SVM/STPM/ DIPLOMA/ IJAZAH/ TRANSKRIP/MQA);**

- iii. **Salinan Kad Pengenalan (Pemohon, Ibu dan Bapa);**
- iv. **Salinan Sijil Kelahiran Pemohon;**
- v. **Salinan Sijil Kelahiran Ibu dan Bapa;**
- vi. **Salinan Sijil Tamat Persekolahan;**
- vii. **Salinan Lesen Memandu;**
- viii. **Gambar Berukuran Pasport.**

**[Pastikan perkara ii hingga vii adalah salinan yang telah disahkan daripada salinan asal ]**

b) **Pegawai yang sedang berkhidmat** hendaklah mengemukakan borang permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan menyertakan bersama-sama Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi (LNPT) terkini; **DAN**

c) Permohonan yang tidak diisi dengan lengkap akan **DITOLAK**.

4. Perhatian : a) Hanya calon yang berkelayakan dan melepasi saringan yang dijalankan sahaja yang akan dipanggil temuduga;
- b) Permohonan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA** sekiranya tidak dihubungi dalam tempoh berikut;
- i) Selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup; atau
  - ii) Selepas 6 bulan dari tarikh temuduga (sekiranya berjaya dipanggil temuduga).
5. Pertanyaan : Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pihak Urus setia melalui telefon atau melalui 03-32891439 (Bahagian Sumber Manusia)